



# Yayasan Islam Kelantan

## Memperkasa Sahsiah Insan

كلنتن سجهترا أونتوق إسلام  
Kelantan Sejahtera untuk Islam





Sebuah terbitan

**YAYASAN ISLAM KELANTAN**

[www.yik.edu.my](http://www.yik.edu.my)

**YAYASAN ISLAM KELANTAN MEMPERKASA SAHSIAH INSAN**

© Yayasan Islam Kelantan

Cetakan Pertama : Oktober 2017

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluar ulang mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk artikel, ilustrasi, dan foto dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun sama ada fotokopi, mekanik, rakaman, cetakan, elektronik atau cara-cara lain tanpa terlebih dahulu mendapat izin bertulis daripada Yayasan Islam Kelantan.

*Diterbitkan oleh*

**YAYASAN ISLAM KELANTAN**

**Peti Surat 248, Nilam Puri,  
15730 Kota Bharu, Kelantan.**

**Tel : 09-7126315, 7128144 Faks : 09-7127806**

## ISI KANDUNGAN

<i>Kata Alu-aluan Menteri Besar Negeri Kelantan</i>	<b>05</b>
<i>Kata Alu-aluan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan dan Pengajian Tinggi, Negeri Kelantan</i>	<b>08</b>
<i>Kata Alu-aluan Pengarah Yayasan Islam Kelantan</i>	<b>11</b>
<i>Pendahuluan</i>	<b>13</b>
<i>Matlamat</i>	<b>16</b>
<i>Jenis-Jenis Perkhidmatan Pengurusan HEM YIK</i>	<b>19</b>
<i>Langkah-Langkah Pengurusan Kemasukan Pelajar</i>	<b>26</b>
<i>Prosedur Pertukaran Pelajar</i>	<b>28</b>
<i>Membangun Modal Insan Berkualiti Dan Berketerampilan</i>	<b>30</b>

<i>Memperkasa Disiplin Pelajar</i>	<b>34</b>
<i>Mukhayyam Tarbawi</i>	<b>36</b>
<i>Kursus Kenegaraan</i>	<b>38</b>
<i>Modul Kursus Kenegaraan</i>	<b>41</b>
<i>Kaunseling, Bimbingan Dan Kerjaya</i>	<b>42</b>
<i>Meningkatkan Fungsi Unit Kaunseling Dan Bimbingan</i>	<b>44</b>
<i>Mempertingkatan Aktiviti PIBG</i>	<b>45</b>
<i>Aktiviti PIBG</i>	<b>47</b>
<i>Program Kebajikan Dan Kesejahteraan</i>	<b>48</b>
<i>Biasiswa Kecil MAIK</i>	<b>50</b>
<i>Biasiswa Tengku Anis (MAIK)</i>	<b>50</b>
<i>Skim Bantuan PMBK</i>	<b>51</b>

<i>Bantuan Zakat Badan-Badan Bukan Kerajaan</i>	<b>51</b>
<i>Mengurus Permohonan Dan Pengurusan Pelajar Ke Timur Tengah</i>	<b>52</b>
<i>Kegiatan Kokurikulum Patuh Syariat</i>	<b>55</b>



## KATA ALU-ALUAN

Menteri Besar Negeri Kelantan,  
Merangkap Pengurus Lembaga  
Yayasan Islam Kelantan



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته  
الحمد لله رب العالمين والصلوة والسلام على أشرف المرسلين  
وعلى الله وصحبه أجمعين

Firman Allah SWT:

وَلَوْاَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ إِذَا آمَنُوا وَأَتَقْوَى لِفَتْحَنَا عَلَيْهِمْ بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ  
وَلَذِكْرِنَّ كَذَّبُوا فَأَخْذَنَّاهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ٦٦

Maksudnya: Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. tetapi mereka mendustakan (Rasul kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan. (Al-A'raf :96)

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin-Nya, Yayasan Islam Kelantan (YIK) dapat menerbitkan siri Buku Kelantan di Hati pada kali ini. Tahniah saya ucapan kepada semua yang terlibat dalam menjayakan penerbitan buku yang cukup bermakna ini.

Sesungguhnya Kerajaan Negeri telah menjadikan agenda pendidikan sebagai keutamaan bagi membangunkan sebuah masyarakat berilmu yang mampu membangunkan diri dan menggerakkan aktiviti harian selari dengan panduan yang telah diturunkan oleh Allah SWT.

Dalam menjulang semangat masyarakat berilmu ini, Kerajaan Negeri melalui YIK, terus melaksanakan tanggungjawab pendidikan berteraskan Pengajian Islam dan bahasa Arab peringkat menengah sejak awal mentadbir Negeri Kelantan lagi. Usaha ini adalah diharapkan dapat mengekalkan Kelantan sebagai negeri yang bertamadun tinggi dalam aspek pendidikan dan pentarbiahan.

Harapan saya agar siri buku yang mengandungi agenda dan aktiviti fizikal serta spiritual YIK ini akan dapat melonjak perkembangan institusi pendidikan di Kelantan serta berupaya mengangkat martabat agama dan bangsa. Dalam dunia yang penuh dengan perlumbaan pada hari ini kita melihat betapa saluran-saluran untuk mendapatkan ilmu begitu terbentang luas. Melalui alat komunikasi moden dan alat-alat perhubungan yang canggih, capaian maklumat menjadi terlalu mudah. Justeru YIK juga perlu menggunakan medium-medium penyebaran maklumat ini untuk terus bersaing dalam arus perdana bagi mendekati setiap isu yang hangat diperkatakan.



Sekian, Wassalam.

\*\* ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG \*\*

\*\* MEMBANGUN BERSAMA ISLAM - KELANTAN MENERAJUI  
PERUBAHAN \*\*

\*\* KEBAJIKAN – KEBERKATAN - KEMAKMURAN \*\*

Dengan hormatnya,

**USTAZ DATO' HAJI AHMAD BIN YAKOB, S.J.M.K., D.J.M.K., ( Kelantan )  
(DATO' BENTARA KANAN)**

Menteri Besar Kelantan



## KATA ALU-ALUAN

Pengerusi Jawatankuasa  
Pembangunan Insan,  
Pendidikan dan Pengajian Tinggi  
Negeri Kelantan



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

السلام علیکم ورحمة الله وبركاته

Segala puji bagi Allah SWT yang merupakan Pentadbir bagi seluruh kerajaan di langit dan di bumi, selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabat baginda serta seluruh penyambung risalah yang suci ini.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan jutaan terima kasih kepada Yayasan Islam Kelantan yang telah berjaya menerbitkan siri Kelantan Di Hati yang memaparkan usaha-usaha dan pencapaian kerajaan negeri melalui agensi pendidikan agama dan bahasa Arab. Sesungguhnya pendidikan ini adalah merupakan penerus kepada dakwah dan risalah yang dibawa oleh junjungan besar nabi Muhammad s.a.w. Tanggungjawab ini disambung oleh warga pendidik yang mengasuh anak-anak sehingga menjadi insan berilmu dan bertaqwa.

Pendidikan merupakan salah satu daripada aspek penting dalam kehidupan dan tamadun manusia. Pendidikan telah bermula apabila Allah mencipta Nabi Adam a.s untuk menjadi khalifah di bumi dan berkesinambungan sehingga hari ini. Di dalam al-Qur'an banyak ayat yang menyentuh dasar dan matlamat pendidikan. Antaranya firman Allah S.W.T tentang kedudukan orang yang berilmu:

يَرَفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ ءَامَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أَوْتُوا الْعِلْمَ دَرَجَاتٍ  
وَأَنَّ اللَّهَ يُعْلَمُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرٌ  
11

Maksudnya: Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. dan Allah Maha mengetahui apa yang kamu kerjakan.  
**(Surah al-Mujadalah,58:11)**

Ayat di atas menjelaskan bahawa matlamat pendidikan adalah untuk memperoleh darjat atau ketinggian sebagai khalifah Allah di bumi. Kurniaan Allah mengangkat akan darjat manusia adalah untuk meninggikan kedudukan manusia sebagai makhluk ciptaan Tuhan yang akan mentadbir alam.

Tujuan pendidikan al-Qur'an adalah membina pengetahuan atau kesedaran manusia atas dirinya, sistem kemasyarakatan Islam dan sikap serta rasa tanggungjawab sosial di samping memberi kesedaran terhadap alam sekitar dan ciptaan Allah serta mengembangkan ciptaanNya bagi kebaikan umat manusia. Tetapi yang penting ialah ma'rifah kepada Allah dan beribadah kepadaNya dengan cara mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya

Dalam meyebarluaskan informasi pendidikan, buku ini merangkumi agenda, aktiviti dan pencapaian yang telah dicapai oleh Yayasan Islam Kelantan dari sudut pembangunan fizikal, pencapaian dalam bidang pentadbiran, pengurusan sekolah, pengurusan akademik dan kecemerlangan pelajar dalam peperiksaan dan aktiviti-aktiviti kokurikulum.

Kita mengharapkan terbitan buku ini akan menjadi rujukan segera dan capaian maklumat yang bermanfaat terutamanya dalam era kecanggihan media yang ada pada hari ini. Akhirnya marilah kita sama-sama berdoa agar kita usaha yang sedikit ini mendapat ganjaran dan diangkat darjat kita di sisi Allah Yang Maha Esa.

Sekian, *Wassalam.*

**"ISLAM DIJULANG, RAJA DIJUNJUNG, RAKYAT DISANJUNG"  
"MEMBANGUN BERSAMA ISLAM-KELANTAN MENERAJUI  
PERUBAHAN"  
"KEBERKATAN KEMAKMURAN DAN KEBAJIKAN"**

**YB DATO DR MOHAMED FADZLI BIN DATO HAJI HASSAN**



## KATA ALU-ALUAN

*Pengarah Yayasan Islam Kelantan*



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Alhamdulillah dengan izin dan rahmat Allah siri Buku Kelantan Di Hati telah berjaya disiapkan dengan jayanya. Saya amat berterima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung menyumbang tenaga sehingga terhasilnya pendokumentasian ini.

Kelantan Di Hati bagi siri terbitan Yayasan Islam Kelantan adalah sebahagian daripada agenda teras yang menjadi nadi kepada kesinambungan pendidikan semenjak daripada dahulu lagi. Sejarah perkembangan pendidikan Islam di negeri Kelantan telah mendahului negeri-negeri lain dalam bentuk yang teratur dan tersusun.

Bermula dengan penubuhan "Madrasah Muhammadi Melayu (laki-laki)" pada tahun 1932 di bawah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, kesedaran masyarakat tempatan bergerak seiring dengan pemerintah telah sama-sama menubuhkan sekolah-sekolah yang dimiliki sepenuhnya oleh masyarakat tempatan di seluruh negeri Kelantan. Sekolah-sekolah ini akhirnya diletakkan di bawah satu pengurusan dan penyelarasan bermula dari Jabatan Sekolah-sekolah Agama (JASA) sehinggalah penubuhan YIK pada tahun 1983.

Saya mengharapkan dengan penerbitan buku ini dapat memberi gambaran yang lebih menyeluruh berhubung Yayasan Islam Kelantan yang merangkumi Pengurusan dan Pentadbiran, Pengurusan Sekolah dan Akademik serta pencapaian-pencapaian yang telah dilakar oleh institusi ini serta kecemerlangan pelajar dalam bidang akademik dan kurikulum.

Akhir kata, adalah diharapkan penerbitan siri 37 ini dapat memenuhi kehendak masyarakat dan orang ramai yang memerlukan penerangan serta maklumat untuk mendapat gambaran tentang peranan dan pencapaian Yayasan Islam Kelantan dalam pendidikan agama di negeri ini.

**YM HJ TENGKU AB RAHMAN TUAN YUNUS**

PENGARAH  
YAYASAN ISLAM KELANTAN



# Pendahuluan

Pengurusan pelajar merupakan bidang penting di mana-mana institusi pendidikan khususnya di Yayasan Islam Kelantan.



Pengurusan pelajar di sekolah adalah dilaksanakan dengan menggunakan kaedah yang tersusun untuk memastikan sesbuah institusi berjaya dalam bidang pembangunan sahsiah, akademik dan kokurikulum.



# Matlamat

Matlamat pengurusan Hal Ehwal Murid adalah untuk membantu pengembangan diri pelajar sebagai individu yang seimbang dengan memupuk semangat berdikari di kalangan mereka untuk menempuh hari muka.



Program pengurusan dan pembangunan pelajar dapat memupuk kerjasama dan setiakawan di kalangan pentadbir, guru, dan pelajar di sekolah.



# *Jenis-Jenis Perkhidmatan Pengurusan HEM YIK*

## JENIS-JENIS PERKHIDMATAN PENGURUSAN HEM YIK

- Mengurus Kemasukan Pelajar
- Pertukaran/Perpindahan Pelajar
- Biasiswa/ Bantuan Kewangan
- Kursus Kenegaraan
- Mukhayyam Kepimpinan Pelajar
- Kursus Kaunseling
- Program Pembangunan Sahsiah Pelajar
- Memantau/ Menyelia Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG)/Jawatankuasa Pengelola Kemajuan Sekolah (JPKS)
- Mengurus Pelajar Ke Timur Tengah



*Mengurus  
Kemasukan  
Pelajar*

*Pertukaran/  
Perpindahan  
Pelajar*





*Biasiswa/  
Bantuan  
Kewangan*

*Kursus  
Kenegaraan*





*Mukhayyam  
Kepimpinan  
Pelajar*

*Kursus  
Kaunseling*





*Program  
Pembangunan  
Sahsiah  
Pelajar*

*Memantau/  
Menyelia  
PIBG/ JPKS*





*Mengurus  
Pelajar Ke  
Timur Tengah*



# *Langkah-Langkah Pengurusan Kemasukan Pelajar*

## **LANGKAH-LANGKAH PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR**



Mesyuarat jawatankuasa pengurusan kemasukan pelajar.



Mengiklankan kemasukan pelajar melalui media massa seperti Harakah, Sinar Harian dan masjid seluruh Kelantan.



Mengurus borang permohonan pelajar.



Mengurus ujian bertulis dan ujian lisan kemasukan pelajar.



Mengurus penandaan kertas jawapan pelajar.




Mengisytiharkan keputusan dan membuat surat tawaran.



# *Prosedur Pertukaran Pelajar*

## PROSEDUR PERTUKARAN PELAJAR



# *Membangun Modal Insan Berkualiti Dan Berketerampilan*

## MEMBANGUN MODAL INSAN BERKUALITI DAN BERKETERAMPILAN

Yayasan Islam Kelantan terus berusaha bagi membangun modal insan yang berkualiti dan berketrampilan yang mampu mengurus dan mentadbir diri, keluarga, negeri dan negara pada masa hadapan. Yayasan Islam Kelantan mengaturkan program-program pembentukan sahsiah pelajar seperti Bacaan Al-Quran pada waktu pagi dan Solat Zohor secara berjemaah.





## Program Bacaan Al-Quran Pagi

*Majlis  
Pelancaran  
Usrah Peringkat  
Sekolah*





*Solat Zohor  
Berjemaah*

*Majlis Perasmian  
Kursus  
Kenegaraan*



## MEMPERKASA DISIPLIN PELAJAR

Yayasan Islam Kelantan melalui Unit Hal Ehwal Murid merancang dan mengaturkan program, kursus dan seminar kepada guru disiplin sekolah bagi memperkasa badan disiplin sekolah untuk menjadikan pelajar sekolah di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan tetap utuh dan unggul.

*Kursus Disiplin  
Kepada Guru  
Disiplin Sekolah*





*Kursus  
Pengurusan  
Kaunseling*

*Bengkel  
Jurulatih  
Dakwah*



## MUKHAYYAM TARBAWI



Yayasan Islam Kelantan sentiasa memberi perhatian kepada aspek pembangunan insan selaras dengan Falsafah Pendidikan Yayasan Islam Kelantan yang berhasrat melahirkan individu muslim yang layak berkhidmat untuk membangun diri, keluarga masyarakat dan ummah.

Sehubungan itu Yayasan Islam Kelantan menganjurkan Program Mukhayyam merupakan asas latihan untuk membangun kecerdasan minda, fizikal dan peluang untuk memupuk latihan berdikari pelajar dalam keadaan yang berbagai serta mampu untuk menghadapi cabaran-cabaran yang ada. Ianya nyata berbeza dengan program-program tarbiah lain terutamanya melibatkan aktiviti lasak dan mencabar.



## KURSUS KENEGARAAN

Program Kursus Kenegaraan pelajar YIK bermula pada tahun 2005 bagi membentuk jati diri di samping memertabatkan kedudukan mereka sebagai peneraju masyarakat pada masa akan datang.





Sasaran utama kursus ini ialah pelajar yang akan menduduki peperiksaan SPM dan terdapat juga pelajar STAM atau SMU. Program tersebut diadakan dalam tempoh masa yang ditetapkan iaitu selama 3 hari 2 malam sahaja.



## MODUL KURSUS KENEGARAAN

Berpengetahuan berkemahiran menjadikan seorang muslim yang berakhhlak mulia, mampu memimpin diri, keluarga, negeri dan negara.

Berkeupayaan memberikan pandangan dan menyelesaikan masalah secara berkumpulan dan sendirian.

Berkemampuan menjalinkan hubungan dengan Allah serta sesama manusia dan kejadian alam berdasarkan Al-Quran dan Al-Sunnah berdasarkan tajuk-tajuk yang dibincang dan dibengkelkan.

*Kaunseling,  
Bimbingan  
Dan Kerjaya*

## **KAUNSELING, BIMBINGAN DAN KERJAYA**

Bagi memastikan bahawa matlamat dan objektif Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling tercapai, kaedah penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasaran adalah amat penting.

Keberkesanan perkhidmatan akan dapat mewujudkan pelajar yang seimbang, berjiwa besar dan waja, berwawasan dan berterampilan.



Usaha-usaha untuk membina insan yang terus maju ke arah hidup yang bermakna bagi kesejahteraan diri, masyarakat dan negara perlu dilaksanakan dengan secara seimbang dalam semua bidang seperti berikut:

### **MENINGKATAN FUNGSI UNIT KAUNSELING BIMBINGAN DAN KERJAYA**

- Melantik guru kaunseling di semua sekolah Yayasan Islam Kelantan.
- Merancang/mengatur kursus-kursus kepada guru kaunseling bagi meningkatkan kewibawaan dan jati diri guru kaunseling.
- Menyediakan buku panduan manual kerja kaunseling bimbingan dan kerjaya.
- Menganjurkan program motivasi, peluang menyambung pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam/Institut Pengajian Tinggi Swasta dalam dan luar negeri serta peluang kerjaya kepada pelajar.

# *Mempertingkatkan Aktiviti PIBG*

## MEMPERTINGKATKAN AKTIVITI PIBG

Bagi menyediakan pusat pendidikan yang kondusif, Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) di semua sekolah di bawah Yayasan Islam Kelantan diselaras dan diperkasakan.



*Mesyuarat Agung PIBG*



WaniMRo

*Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahunan dan  
Majlis Pelancaran Tabung Pembangunan*

# *Program Kebajikan Dan Kesejahteraan*

## PROGRAM KEBAJIKAN DAN KESEJAHTERAAN

Yayasan Islam Kelantan juga memastikan semua pelajar yang belajar di sekolah di bawah pengurusan Yayasan Islam Kelantan dapat meneruskan pembelajarannya dengan menyediakan bantuan kewangan seperti:

- *Biasiswa Kecil Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK)*
- *Biasiswa Tengku Anis*
- *Skim Bantuan Imam Al-Ghazali*
- *Bank Islam Malaysia Berhad*



## **BIASISWA KECIL MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN (MAIK)**

Seramai 4904 orang pelajar miskin di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan mendapat Biasiswa MAIK setiap tahun dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam.

## **BIASISWA TENGKU ANIS MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ISTIADAT MELAYU KELANTAN**

Pelajar yang kurang berkemampuan juga ditawarkan dengan Biasiswa Tengku Anis (MAIK) bagi membantu pelajar meneruskan pembelajaran mereka. Seramai 647 orang pelajar di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan mendapat Biasiswa Tengku Anis (MAIK) setiap tahun dari Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam.



## **SKIM BANTUAN IMAM AL-GHAZALI PERBADANNAN MENTERI KELANTAN (PMBK)**

Skim Bantuan Imam Al-Ghazali (PMBK) bagi membantu pelajar yang kurang mampu yang cemerlang di dalam pembelajaran di Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima sebanyak RM50.00 sebulan selama dua tahun. Program tersebut diperkenalkan sejak tahun 2009 seramai 100 orang pelajar.

## **BANTUAN ZAKAT DARI BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD, BANK RAKYAT MALAYSIA BERHAD DAN NGO.**

Pelajar-pelajar miskin di Sekolah kelolaan Yayasan Islam Kelantan terus mendapat perhatian dari badan-badan bukan kerajaan bagi membantu pelajar tersebut dalam bentuk *one off*.



*Mengurus  
Permohonan/  
Penghantaran Pelajar  
Ke Timur Tengah  
(Mesir, Jordan Dan  
Morocco)*

## **MENGURUS PERMOHONAN/PENGHANTARAN PELAJAR KE TIMUR TENGAH (MESIR, JORDAN DAN MAGHRIBI)**

Yayasan Islam Kelantan mengurus permohonan pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah (Mesir, Jordan dan Maghribi). Pelajar yang berhasrat untuk melanjutkan pelajaran ke Timur Tengah hendaklah mengisi borang atas talian Kementerian Pengajian Tinggi.

Terjemahan Sijil Lahir dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Visa Pelajar diuruskan oleh Yayasan Islam Kelantan.





*Majlis Keraian Pelajar Ke Timur Tengah*

*Kegiatan  
Kokurikulum  
Mematuhi  
Syariat Islamiah*

## KEGIATAN KOKURIKULUM MEMATUHI SYARIAT ISLAMIAH

Bagi mencapai matlamat Pendidikan Yayasan Islam Kelantan iaitu melahirkan muslim yang beriman, beramal soleh dan layak berkhidmat untuk membangun keluarga, masyarakat, negara dan ummah, Yayasan Islam Kelantan merangka aktiviti kegiatan di luar bilik darjah agar mematuhi syariah.

Kegiatan tersebut hendaklah dijalankan secara berasingan antara pelajar lelaki dan perempuan.











**Yayasan Islam Kelantan**  
Peti Surat 248, 15730 Kota Bharu, Kelantan

 09-7126315 / 09-7126933 / 09-7128144  
09-7126040 (Lembaga Peperiksaan)

 09-7127806

 yik@kelantan.gov.my

 www.yik.edu.my

*Dicetak oleh*

**A&D PRINTING AND STATIONERY CO. SDN. BHD.**

4469-A, Jalan Abdul Kadir Adabi, 15200 Kota Bharu, Kelantan  
Tel: 09-748 5227, 748 5737 | Faks: 09-744 0601  
Email: adprinting78@gmail.com / adprinting@hotmail.com